

CNS0915

N GB 30-08 00174 BA963

BAH

Mahathir - Merdeka (Ulangan Membetulkan Tarikh) ***

NEKARA KINI HADAPI CABARAN BARU SELEPAS 30 TAHUN MERDEKA: PM

KUCHING, 30 Ogos (Bernama) -- Pencapaian negara sejak 36 tahun mencapai kemerdekaan merupakan satu perkara yang harus dibanggakan setiap rakyat Malaysia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, selepas melalui tempoh itu masyarakat negara ini sekarang perlu menghadapi cabaran baru iaitu untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Bagi mencapai matlamat itu semua lapisan rakyat perlu bersatu padu dan menggembleng tenaga untuk terus membangunkan negara dengan lebih pesat, katanya di dalam perutusan buku cenderamata sempena perayaan Hari Kebangsaan ke-36 peringkat kebangsaan yang diadakan buat julung kalinya di sini, esok.

"Tenaga rakyat perlu disatu dan dibangunkan secara menyeluruh, bukan daripada segi ilmu sahaja malah daripada segi semangat, sifat dan sikap," tambahnya.

Perdana Menteri juga meminta rakyat mengutamakan kepentingan bersama di samping menghayati nilai-nilai murni sejagat serta mengikis sifat pasif yang mengharap bantuan kerajaan dalam usaha mencapai hasrat pembentukan masyarakat yang adil. -- lagi.

▼30/08/13-52MSF

R GB 30-08 00134 BA964

BAH

Mahathir - Merdeka 2 (Akhir) Kuching

"Jika dahulu kemerdekaan menjadi faktor utama rakyat berbilang kaum dan agama bersatu padu kini wawasan 2020 pula patut mendorong kita meningkatkan perpaduan dan kerjasama," katanya.

Dalam kata-kata aluannya, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata, pemilihan Sarawak sebagai tuan rumah untuk sambutan hari kemerdekaan peringkat kebangsaan pada tahun ini merupakan penghormatan tertinggi bagi rakyat negeri ini.

Katanya, di samping rakyat Sarawak menyambut ulangtahun kemerdekaan ke-30 melalui Malaysia, masyarakat daripada seluruh negara khususnya yang berkunjung ke Sarawak sempena sambutan itu turut berpeluang melihat tahap kemajuan negeri itu hasil daripada politik pembangunan pemerintahnya.

Taib juga berkata, politik pembangunan tetap menjadi teras pemerintahan BN negeri dalam usaha menyediakan masyarakat Sarawak menjelang tahun 2020.

-- Bernama.

RAR AM KAM.